

# Bantu golongan muda kendalikan masalah kecelaruan mental

**TUNGKU LINK,** Rabu, 10 Oktober. - Pihak Jawatankuasa Counselling and Diverse Learning Needs Unit, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Eksekutif Khidmat

Masyarakat dan Kesejahteraan Mahasiswa / Mahasiswa Majlis Perwakilan Pelajar 2017 / 2018 Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah menganjurkan

Program Sempena Hari Kesihatan Mental Sedunia 2018 : 'Young People and Mental Health in A Changing World' di Bilik Senat, Dewan Canselor UBD.

Hadir selaku tetamu kehormat, Penolong Naib Canselor, Inovasi dan Perusahaan, Profesor Madya Dr. Mohammad Ayub Sadiq.

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad Foto : Dk. Nur Hafillah Pg. Osman**

Majlis turut dimeriahkan oleh para pegawai, pensyarah, kakitangan dan mahasiswa / mahasiswi UBD dan juga para pelajar institusi pengajian tinggi lainnya dari Universiti Teknologi Brunei, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Politeknik Brunei.

Ceramah Sempena Hari Kesihatan Mental Sedunia 2018 yang bertajuk 'Young People and Mental Health in A Changing World' disampaikan oleh Ketua Perkhidmatan Psikiatri, Kementerian Kesihatan, Dr. Hilda Ho.

Tujuan program diadakan adalah bagi mengongsikan tip-tip dalam menangani emosi negatif, cara-cara pengendalian dan pengurusan kehidupan, penggunaan daya tindak yang

sihat dan memantapkan kedayatahan (*resilient*) yang tinggi.

Melalui program itu juga turut dikongsikan tentang maklumat untuk mendapatkan bantuan kesihatan mental.

Dengan adanya acara seumpama itu, ia diharapkan dapat dijadikan sebagai wahana dalam penyampaian ilmu pengetahuan tentang arus perubahan dunia serta impaknya terhadap kesihatan mental dalam golongan remaja dan belia di samping membantu mendedahkan kepada para golongan muda akan cara-cara berkesan dalam pengurusan diri dan pengendalian masalah kecelaruan mental.

## Konsep ilmu dan amal paksi capai Wawasan Brunei 2035

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 10 Oktober. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengadakan Forum Sempena Sambutan Tahun Baharu 1440 Hijrah yang membawa tema 'Forum Hijrah Ilmu Dan Amal Nadi Wawasan Negara'.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmat.

Juga hadir para pegawai utama, pensyarah, kakitangan, mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diketuai oleh Exco Unit Kugamaan dan Kerohanian MPP, Ahmad Shafiee bin Aim.

Majlis dimeriahkan dengan pengisian forum yang disampaikan oleh Naib Yang Di-Pertua MPP, Awang Muhammad Iqbaal Syakib bin Haji Suhub dan Bendahari II MPP, Dayang Nabeelah Hafizah binti Dr. Awang Zainal Ariffin bersama moderator forum, Yang Di-Pertua MPP, Awang Mulia Ahmad Shafie bin Haji Mohd. Adnan.



**PEMANGKU** Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmat (kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Forum Sempena Sambutan Tahun Baharu 1440 Hijrah.

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

Forum bertujuan memberi kefahaman dan menerapkan dalam diri setiap para mahasiswa dan mahasiswi dengan mengamalkan konsep ilmu dan amal yang boleh memberikan manfaat di dunia dan akhirat. Pada masa yang sama, konsep ini juga merupakan paksi untuk

mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Majlis diteruskan dengan persembahan nasyid dari Kumpulan Muhibbin yang dianggotai oleh para mahasiswa UNISSA.

Majlis diakhiri dengan Tasbih Kaffarah dan Surah Al-'Asr.



**PENOLONG** Naib Canselor, Inovasi dan Perusahaan, Profesor Madya Dr. Mohammad Ayub Sadiq (kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Program Sempena Hari Kesihatan Mental Sedunia 2018 : 'Young People and Mental Health in A Changing World'.

Dari muka 22

### Rattanakosin Exhibition Hall Bangkok, Muzium Berteknologi Multimedia Canggih

Terletak di tengah kota Bangkok, rombongan dibawa melawat ke Rattanakosin Exhibition Hall iaitu antara muzium moden yang menggunakan teknologi multimedia yang canggih dalam menyampaikan maklumat muzium berkenaan. Ia juga diperakui oleh Trip Advisor sebagai salah sebuah tempat yang menarik untuk dikunjungi oleh pelancong yang bercadang untuk melancong ke Bangkok dan diberi pengiktirafan 4.5 bintang.

Dewan pameran ini menawarkan berbagai-bagai pameran yang memfokuskan sejarah pembangunan Kerajaan Thailand menelusuri zaman iaitu dari era pemerintahan Raja Rama I sehingga Raja Rama IX dan juga mengenai budaya serta adat resam rakyat Thailand.

Tingkat pertama pameran ini mempamerkan bagaimana kehidupan dan budaya masyarakat Thailand pada zaman silam. Rombongan dibawa masuk ke ruang yang menyerupai kereta api klasik dan di sana terdapat sebuah bandar yang menayangkan tayangan 3D yang menceritakan mengenai perkembangan awal teknologi di Thailand dan pengasas kepada kemajuan berkenaan.

Di ruangan berasingan, pameran bangunan pejabat pos, bank, kedai runcit, kedai gunting, syarikat surat khabar dan farmasi yang terawal ditubuhkan di Thailand. Di ruangan ini juga menyediakan multimedia interaktif yang

pastinya menarik perhatian pengunjung.

Di tingkat kedua dan ketiga pula mempamerkan mengenai Raja-Raja Thailand Dinasti Chakri yang memerintah Kerajaan Thailand sekarang ini. Terdapat sembilan ruangan yang memperlihatkan video interaktif mengenai sembilan raja dari Raja Rama I hingga Raja Rama IX termasuk Raja-Raja Thailand yang berjaya mengekalkan kedaulatan negara dan membawa banyak perubahan dan program pembangunan dalam menjadikan negara tersebut setanding dengan negara-negara bertamadun yang lain.

Pengunjung turut ditayangkan dengan filem mengenai kegiatan kerajaan dan usaha Raja Ananda Mahidol (Rama VIII) dan Raja Bhumibol Adulyadej (Rama IX) yang telah menyumbang kepada kemajuan pembangunan dan kesejahteraan hidup rakyat Thailand.

### Ekspo Global Trust In Thai Herbs & Wisdom

Ekspo ini dianjurkan oleh Kementerian Perkhidmatan Perubatan Thailand setiap tahun bertempat di Pusat Persidangan Muang Thong Thani, Dewan Impact. Ia merupakan ekspo herba yang terbesar diadakan di Thailand sejak 15 tahun lalu.

Objektif ekspo berkenaan antara lain mempromosi dan meningkatkan kesedaran rakyat akan pentingnya menjaga kesihatan seharian, mempromosi produk-produk kesihatan dari syarikat-syarikat tempatan dan luar negara dan juga bagi mengembangkan pengetahuan pengunjung mengenai perubatan tradisi

Thailand.

Ekspo terbahagi kepada empat bahagian iaitu Bahagian Perubatan Tradisi Thailand, Bahagian Pakar-Pakar Perubatan Tradisi Thailand, Bahagian Perubatan Moden Dan Bahagian Komersil. Pada bahagian pertama terdapat 19 petak pameran bahan-bahan perubatan bagi merawat berbagai penyakit yang mana pada masa ini terdapat sebanyak 130 jenis perubatan terdapat di negara berkenaan.

Bahagian kedua adalah bahagian pakar-pakar perubatan tradisi Thailand yang menyediakan tempat bagi pengunjung untuk berurut mengikut cara Wilayah Utara, Wilayah Barat, Wilayah Timur dan Wilayah Selatan. Setiap wilayah mempunyai cara urutan yang tertentu bagi merawat penyakit. Akan tetapi sebelum pesakit menerima rawatan urut, mereka dikehendaki untuk memeriksa tekanan darah terlebih dahulu dan jika mempunyai tekanan darah yang tinggi, pesakit tidak dibenarkan untuk berurut kerana ditakuti boleh memudaratkan kesihatan. Pada bahagian ini juga dijual produk-produk perubatan tradisional bagi merawat beberapa penyakit.

Di bahagian ketiga pula, pameran bagi perubatan moden dan alternatif di mana para pengunjung boleh membuat pemeriksaan kesihatan yang ditawarkan oleh hospital-hospital, institusi-institusi dan pertubuhan-pertubuhan perubatan moden dan alternatif yang terdapat di Thailand termasuk dari luar negara seperti Jepun dan China yang diundang untuk menyertai ekspo tersebut.

Pada bahagian keempat, terdapat syarikat-syarikat perubatan kerajaan dan swasta yang menjual berbagai-bagai produk kecantikan dan kesihatan. Rombongan berpeluang untuk melihat produk-produk yang telah diberikan anugerah oleh Kementerian Perkhidmatan Perubatan Thailand. Di samping itu, syarikat-syarikat luar negara juga dijemput sama untuk mempromosikan produk kesihatan seperti Malaysia, Indonesia, Myanmar, Lao, Kemboja, Viet Nam dan China. Selain produk perubatan, peralatan dan mesin berteknologi tinggi bagi membuat dan memproses barang-barang perubatan juga dijual. Di sudut lain, pewarna / cat bagi lukisan yang diperbuat sepenuhnya daripada herba juga turut dipamerkan dan hasil lukisan berkenaan.

Ekspo ini jelas memperlihatkan komitmen Kerajaan Thailand dalam memperkukuhkan produk-produk tempatan berasaskan herba-herba yang digunakan dalam perubatan tradisional Thailand yang berdaya saing di pasaran global. Dalam masa yang sama, ekspo tersebut memperlihatkan kepada pengunjung dari luar negara mengenai kebaikan dan kehebatan perubatan tradisional Thailand.

Program ini setentunya telah memberikan perkongsian pengalaman dan pengetahuan yang berguna mengenai sosiobudaya dan sosioekonomi masyarakat Thailand, begitu juga dengan usaha-usaha yang dibangunkan yang giat diusahakan oleh Kerajaan Thailand dalam memperkasa bidang perubatan berasaskan herba.

## Ke arah perubatan berasaskan herba